

Headline	Bantu usahawan herba komersial produk		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	14 Sep 2023	Color	Full Color
Section	Bisnes	Circulation	112,705
Page No	27	Readership	338,115
Language	Malay	ArticleSize	203 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 7,997
Frequency	Daily	PR Value	RM 23,991



PRODUK herba yang diproses perlu patuhi peraturan yang ketat termasuk pendaftaran dengan NPRA.

## Bantu usahawan herba komersial produk

**Kuala Lumpur:** Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) melalui Pusat Teknologi Herba (HTC) meletakkan sasaran untuk membantu usahawan herba mengkomersialkan nilai produk sebanyak RM30 juta menjelang 2025, mencerminkan kadar pertumbuhan tahunan sebanyak 30 peratus.

FRIM dalam kenyataan berkata, HTC setakat ini telah berjaya mengkomersialkan 192,446 unit produk

dengan nilai RM16.4 juta.

"Sejak penubuhannya, HTC telah memberikan manfaat kepada lebih daripada 500 pelanggan termasuk syarikat dan individu. Sebanyak 20 syarikat telah melantik HTC sebagai pengilang kontrak mereka untuk menghasilkan 35 produk herba tradisional yang berdaftar.

"Dalam Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK12), HTC telah menghasilkan enam produk separa siap ber-

bentuk ekstrak tulen daripada herba-herba terpilih iaitu tongkat ali, kacip fatimah, asam gelugur, misai kucing, roselle dan gelenggang," katanya.

FRIM berkata produk herba perlu mematuhi peraturan dan undang-undang yang ketat termasuk pendaftaran dengan Bahagian Regulatori Farmasi Negara (NPRA) dan ujian keselamatan, ia memberi cabaran kepada usahawan herba kerana melibatkan

kos yang tinggi.

"Justeru itu, HTC berazam untuk menyokong pengeluaran produk herba berkualiti tinggi serta memberi sokongan kepada usahawan herba dalam menghasilkan produk berkualiti dan kompetitif," katanya.

Usaha tersebut selaras dengan visi kerajaan untuk memperkukuhkan industri herba sebagai sumber pertumbuhan ekonomi negara, kata FRIM.